

07 AUG 1997

IKIM-Bank

PENUBUHAN BANK MUSLIMAH ANTARABANGSA DICADANGKAN

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 7 Ogos (Bernama) -- Majlis Usahawan Serantau Indonesia mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah bank berasaskan sistem syariah yang kumpulan sasaran utama pelanggannya adalah wanita.

Majlis itu turut mencadangkan supaya bank itu dinamakan "Bank Muslimah Internasional".

"Ia akan dikelolakan terutamanya oleh kaum muslimah dan pasaran utamanya adalah kaum muslimah serantau," katanya dalam kertas cadangan yang dijangka dikemukakan pada persidangan serantau "Menghadapi Abad 21: Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau" di Kuala Lumpur pada 21 dan 22 Ogos ini.

Persidangan serantau yang dianjurkan bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Ikatan Cendekiawan Muslim Se-Indonesia (ICMI) itu dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

IKIM dan ICMI mengadakan pra-persidangan selama dua hari di sini bermula hari ini bagi membincangkan isu-isu dan cadangan yang akan dikemukakan pada persidangan di Kuala Lumpur kelak.

Dalam kertas cadangan yang juga dibentang pada pra-persidangan hari ini, Majlis Usahawan Serantau Indonesia juga mencadangkan supaya bank itu ditubuhkan di Indonesia memandangkan undang-undang perbankan di negara ini memungkinkan pelaksanaannya.

Menurut kertas itu, bank yang menggunakan sistem perbankan syariah dicadangkan memandangkan rantau ini mempunyai jumlah kaum wanita Islam yang cukup besar.

"Menurut perangkaan, 56 peratus penduduk Indonesia adalah wanita dan tidak kurang dari 80 peratus daripada mereka adalah muslimah," katanya.

Katanya modal bagi penubuhan bank berkenaan boleh dikumpulkan dari organisasi yang berkaitan di Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Sementara itu, Ketua Pengarah IKIM Datuk Dr Ismail Haji Ibrahim berharap persidangan itu kelak dapat meningkatkan kerjasama ummah daripada segi ekonomi, media, pendidikan, pembangunan sumber manusia, sains dan teknologi di kalangan umat Islam Asia Tenggara.

"Sekiranya berjaya, kita bercadang menjadikan persidangan ini sebagai acara tahunan," katanya.

Ismail berkata umat Islam di kedua-dua negara boleh bekerjasama dalam pelbagai bidang termasuk memanfaatkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan dibangunkan Malaysia.

Beliau juga berkata pada persidangan itu kelak Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan bertajuk "Reformasi Umat Melayu Berasaskan Tamadun Islam Menjelang Abad 21" dan berdialog dengan para peserta.

Sebuah deklarasi juga akan ditandatangani IKIM dan ICMI pada persidangan itu, katanya. -- BERNAMA

KHY NMO